



Laluan keluar masuk lima keluarga di Jalan Merbau, di sini terputus selepas kawasan dinaiki air.

36 penduduk berpindah

Kediaman dinaiki air setinggi 0.5m akibat limpahan air parit

KUALA SELANGOR - Seramai 36 penduduk, termasuk warga emas terlanter terpaksa dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Hijau dan Kampung Bukit Chera, Jeram dekat sini, sekitar jam 4.30 petang kelmarin, selepas rumah mereka dinaiki air setinggi kira-kira 0.5 meter.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Mohamed Yasid Bidin berkata, punca banjir disebabkan limpahan air parit yang tidak mengalir dengan sempurna.

Menurutnya, kadar aliran perlahan ditambah hujan menyebabkan kawasan rendah dinaiki air dalam masa singkat.

"Saya difahamkan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) giat menyelenggara parit dari Kampung Bukit Kuching hingga ke kawasan bermasalah.

"Kita akan pastikan aliran sempurna bagi mengelakkan masalah air terus bertakung," katanya ketika turun padang melihat mangsa banjir, semalam.

Mohamed Yasid berkata, tinjauan di beberapa pusat pemindahan banjir di Jeram mendapati kebajikan penduduk terjaga dan bantuan seperti selimut, tilam dan makanan disediakan.

"Seramai tujuh keluarga ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Hijau manakala dua lagi ditempatkan Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Chera.

"Setakat ini, pihak Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor masih menunggu laporan penuh sebelum bantuan wang melalui Tabung Bencana disalurkan," katanya.

Sebulan banjir belum surut

PENDUDUK, Sungmeyati Baharum, 36, berkata, bukan sahaja tertekan kerana kawasan rumah dinaiki air sebulan lalu belum surut, malah mereka sekeluarga berdepan masalah bising dan najis haiwan.

Menurutnya, keadaan jadi lebih teruk tiga



SUNGMEYATI



MURNI



AZMI

hari lalu apabila air mula masuk ke dapur, bilik dan ruang tamu hingga tikus, kucing serta kera naik bumbung rumah.

"Bunyi katak setiap malam benar-benar memberi tekanan apabila kami sekeluarga tidak boleh tidur lena.

"Disebabkan banjir juga, kucing buang najis merata-rata dan keadaan itu benar-benar menguji kesabaran kami," katanya.

Sungmeyati berkata, sehingga satu tahap dia dan adik beradiknya terpaksa mengadu kepada wakil rakyat disebabkan banjir masih belum surut dan bertakung.

"Selepas diajukan, barulah tindakan memindahkan ahli keluarga kami dibuat.

"Jika tidak, mungkin sampai bila-bila kami dan enam keluarga lagi terpaksa tidur di dalam keadaan tidak selesa," katanya.



Warga emas, Saminah Surip, 62, yang terlanter ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung Bukit Hijau.



Mohamed Yasid (tengah) mendengar aduan penduduk, semalam.

Kesal tindakan lewat

KEKESALAN wujud dalam kalangan penduduk apabila tindakan diambil pihak berkaitan lewat dalam menangani masalah air bertakung.

Penduduk, Murni Ismail, 41, berkata, masalah air bertakung berlarutan sebulan lalu namun perhatian diberikan agak lewat.

"Rumah kami terletak di laluan utama di Jalan Merbau dan bukan jauh di pedalaman sehingga pihak bertanggungjawab sukar melihatnya.

"Tiada orang datang lihat keadaan kami hingga aduan dibuat sendiri ke pejabat wakil rakyat, barulah beberapa pihak turun padang bantu pindahkan penduduk," katanya.

Menurutnya, dia bimbang keselamatan anaknya apabila air parit mula melimpah ke jalan.

"Jika tak berpindah, anak kecil akan bermain air di halaman rumah dan pelbagai kemungkinan boleh berlaku termasuk lemas.

"Jadi kita harap, tindakan segera dapat diambil pada masa depan dan tidak berlaku lewat lagi seperti ini kerana yang derita adalah penduduk," katanya.

Kerap lihat ular dalam air

BERKONGSI pengalaman menakutkan, penduduk, Zahayu Jamil, 28, berkata, ada ular cuba masuk ke kawasan rumahnya ketika banjir bertakung di halaman rumah.

"Ketika belum dipindahkan, kami sekeluarga dihantui perasaan takut setiap hari apabila kerap melihat ular dalam air.

"Disebabkan banjir itu juga, saya bimbang dengan keselamatan ibu (Saminah Surip, 62) yang terlanter kerana menghidap diabetes dan tekanan darah tinggi," katanya.

JKKK pantau rumah

SEMENTARA itu, Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Bukit Hijau, Azmi Kamsani, 48, pihaknya akan memantau keadaan rumah penduduk yang ditinggalkan buat sementara waktu.

"JKKK juga akan membantu dari segi penyediaan makanan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di dewan orang ramai sementara menunggu air surut," katanya.

Mengulas lanjut tindakan lewat JKKK memindahkan mangsa banjir, menurutnya, tindakan dilakukan berdasarkan aduan dan pemindahan disegerakan terutamanya membabitkan warga emas.

"Mungkin sebelum ini ada kawasan halaman rumah banjir termasuk rumah saya dan keadaan itu biasa apabila air parit melimpah.

"Namun, JKKK berusaha sebaik mungkin membantu mangsa banjir," katanya.